

**HUBUNGAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN MUZIKAL
DENGAN PRESTASI LATIHAN MENGAJAR
PENDIDIKAN MUZIK DALAM KALANGAN
GURU PELATIH DI MAKTAB-MAKTAB
PERGURUAN DI SABAH**

SOH CHIN KUI



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI SABAH MALAYSIA
2006**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH****BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS @**

JUDUL : Hubungan pengetahuan dan kemahiran muzikal dengan prestasi latihan mengajar pendidikan muzik dalam kalangan guru pelatih di maktab-maktab perguruan di Sabah.

IJAZAH : Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN: 2003 – 2006

Saya, SOH CHIN KUI mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Penulis: SOH CHIN KUI)

Alamat Tetap:

Tarikh: 11 Julai 2006

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(DR SALLEH ABD. RASHID)

Tarikh: 6/07/06

CATATAN: @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan p [redacted] Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


.....

SOH CHIN KUI
PS03 - 006(K) - 110
6 Julai 2006

PENGHARGAAN

Terutamanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas bimbingan dan tunjuk ajar daripada pensyarah-pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah, khasnya Profesor Madya Dr Salleh Abd. Rashid, selaku penyelia saya. Tanpa bimbingan yang telah diberikan, mustahil saya dapat menyiapkan kajian ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada bimbingan dan penukaran pendapat di antara rakan-rakan seperjuangan saya yang telah sama-sama mengharungi program Ijazah Sarjana Pendidikan selama 2 tahun. Tidak lupa juga kepada jasa baik rakan-rakan setugas di Maktab Perguruan Kent, Tuaran, yang telah sudi memberi idea-idea, tunjuk ajar dan nasihat kepada saya demi untuk menjayakan kajian ini. Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan budi yang teramat berharga yang telah diberikan oleh ahli-ahli keluarga saya terutamanya ibu dan bapa yang tersayang. Mereka tidak jemu memberi sokongan yang jitu demi untuk melihat kejayaan anak mereka dalam mencapai sukses dalam hidup. Sekian dan salam perpaduan.

ABSTRAK

HUBUNGAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN MUZIKAL DENGAN PRESTASI LATIHAN MENGAJAR PENDIDIKAN MUZIK DALAM KALANGAN GURU PELATIH DI MAKTAB-MAKTAB PERGURUAN DI SABAH

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan pengetahuan muzikal dan kemahiran-kemahiran muzikal dengan prestasi latihan mengajar dalam kalangan guru-guru pelatih di maktab-maktab perguruan di Sabah. Sampel kajian ini melibatkan seramai 72 orang guru pelatih Kursus Diploma Perguruan Malaysia dalam pengkhususan Pendidikan Muzik. Pengumpulan data dilakukan melalui gred pencapaian pengetahuan muzikal, gred amali kemahiran muzikal, gred latihan mengajar dan satu set borang soal selidik yang menggunakan skala ordinal dan skala Likert 4 mata untuk mendapatkan persepsi daripada guru-guru pelatih. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 11.5. Hasil dapatan kajian telah menunjukkan bahawa peratusan tahap penguasaan pengetahuan muzikal dalam kalangan guru-guru pelatih adalah di tahap sederhana iaitu sebanyak 76.9%, manakala peratusan tahap penguasaan kemahiran muzikal berada di tahap sederhana juga iaitu sebanyak 82.7%. Tahap prestasi pencapaian latihan mengajar juga berada di tahap penguasaan yang sederhana iaitu sebanyak 90.3%. Hasil kajian juga menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan di antara tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran muzikal dengan prestasi latihan mengajar dalam kalangan guru pelatih ($r_s=0.65$, $r_s=0.66$). Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan hubungan tahap penguasaan muzikal dan kemahiran-kemahiran muzikal dengan prestasi latihan mengajar dalam kalangan guru-guru pelatih pengkhususan muzik di maktab-maktab di Sabah adalah pada tahap yang sederhana tinggi.

ABSTRACT

MUSICAL KNOWLEDGE AND MUSICAL SKILLS RELATIONSHIP WITH THE LEVEL OF TEACHING PRACTICES AMONG MUSIC OPTIONS IN TEACHERS TRAINING COLLEGES THROUGHOUT SABAH

The aims of this study were to identify the relationship of musical knowledge and music skills between the levels obtain with the competency of teaching practicum among the music options within the colleges in Sabah. A group of 72 teacher trainees taking "Kursus Diploma Perguruan Malaysia" were involved in this research. Data collection was done through obtaining musical knowledge grades, musical skills grades, practicum grades and one set of questionnaire by using ordinal scales and Likert 4-point scales. The data collected was analyzed using SPSS software version 11.5. The finding of this study indicated that the percentage (76.9%) of the competency level in musical knowledge and musical skills were in the average level. Meanwhile the percentage (82.7%) for the level of competency in musical skills acquired was at the average level. The level of competency in the practicum process also possesses the average level with a percentage of 90.3%. The study also indicated that there was a significant relationship between the competency level in musical knowledge and musical skills with the level of competency in teaching practicum skills among the teacher trainees ($r_s = 0.65$, $r_s = 0.66$). As a whole, this study shows that the relationship between musical knowledge and skills with the level of practicum grades obtained by the teacher trainees in the colleges in Sabah was at the average level.

SINGKATAN

ABRSM	<i>Associated Board Royal School of Music</i>
AGMS	<i>Australian Guild Music and Speech</i>
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
KDPM	Kursus Diploma Perguruan Malaysia
KPLI	Kursus Pendidikan Lepas Ijazah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
FPG	Falsafah Pendidikan Guru
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KANDUNGAN

Perkara	Halaman
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK (Bahasa Melayu)	iii
ABSTRACT (Bahasa Inggeris)	iv
SINGKATAN	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii

BAB 1:

PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	5
1.2.1	Sukatan Pelajaran KDPM Pengkhususan Muzik	5
1.2.2	Objektif KDPM Pengkhususan Muzik	7
1.3	Penyataan Masalah	8
1.4	Persoalan Kajian	16
1.5	Kepentingan Kajian	16
1.6	Objektif Kajian	18
1.7	Definasi Istilah	19
1.8	Signifikan Kajian	22
1.9	Batasan Kajian	23

1.10	Penutup	23
------	---------	----

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	25
2.2	Kerangka Konseptual Kajian	26
2.3	Kerangka Teoritikal Kajian	28
2.4	Pendidikan Muzik	29
2.5	Pendidikan Muzik Di Maktab Perguruan Malaysia	32
2.6	Kajian-Kajian Lepas Luar Negara	34
2.7	Kajian-Kajian Lepas Dalam Negeri	39
2.8	Kesimpulan	42

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	44
3.2	Reka Bentuk Kajian	44
3.3	Prosedur Kajian	45
3.4	Literatur Metodologi	47
3.5	Populasi Dan Sampelan	48
3.6	Instrumen Kajian	49
3.6.1	Instrumen Kajian Tahap Penguasaan Pengetahuan Muzikal	50
3.6.2	Instrumen Kajian Tahap Penguasaan Kemahiran Muzikal	51
3.6.3	Soal Selidik	54
3.6.4	Pemerhatian	55
3.7	Kajian Rintis	56

3.8	Analisis Data	56
3.8.1	Analisis Data Tahap Penguasaan Pengetahuan Muzikal Dalam Kalangan Guru Pelatih	58
3.8.2	Analisis Data Tahap Penguasaan Kemahiran Muzikal Dalam Kalangan Guru Pelatih	60
3.8.3	Analisis Data Prestasi Latihan Mengajar Dalam Kalangan Guru Pelatih	62
3.8.4	Analisis Data Dalam Mendapatkan Perhubungan Yang Signifikan Dalam Tahap Penguasaan Pengetahuan Muzikal Dengan Prestasi Latihan Mengajar Di Kalangan Guru Pelatih	63
3.8.5	Analisis Data Dalam Mendapatkan Perhubungan Yang Signifikan Dalam Tahap Penguasaan Kemahiran Muzikal Dengan Prestasi Latihan Mengajar Di Kalangan Guru Pelatih	63
3.9	Kesimpulan	64

BAB 4: DAPATAN DAN ANALISIS DATA

4.1	Pendahuluan	65
4.2	Ciri-Ciri Demografi	65
4.3	Dapatan Tahap Penguasaan Pengetahuan Muzikal Dalam Kalangan Guru Pelatih	66
4.4	Dapatan Tahap Penguasaan Kemahiran Muzikal Dalam Kalangan Guru Pelatih	69
4.5	Dapatan Tahap Prestasi Latihan Mengajar Dalam Kalangan Guru Pelatih	73

4.6	Dapatan Hubungan Antara Penguasaan Pengetahuan Muzikal Dengan Prestasi Latihan Mengajar Dalam Kalangan Guru Pelatih	74
4.7	Dapatan Hubungan Antara Penguasaan Kemahiran Muzikal Dengan Prestasi Latihan Mengajar Dalam Kalangan Guru Pelatih	75
4.8	Kesimpulan	76

BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	78
5.2	Perbincangan	78
5.3	Tahap Penguasaan Pengetahuan Muzikal Dalam Kalangan Guru Pelatih	78
5.4	Tahap Penguasaan Kemahiran Muzikal Dalam Kalangan Guru Pelatih	81
5.5	Tahap Prestasi Latihan Mengajar Dalam Kalangan Guru Pelatih	85
5.6	Hubungan Antara Tahap Penguasaan Pengetahuan Muzikal Dengan Prestasi Latihan Mengajar	87
5.7	Hubungan Antara Tahap Penguasaan Kemahiran Muzikal Dengan Prestasi Latihan Mengajar	88
5.8	Rumusan Dan Cadangan	89
5.9	Cadangan Kajian Lanjutan	95
5.10	Penutup	97

RUJUKAN BIBLIOGRAFI	101
----------------------------	-----

LAMPIRAN-LAMPIRAN

JADUAL-JADUAL

Jadual 3.1:	Prosedur Kajian	45
Jadual 3.2:	Penentuan Markah Dan Gred	50
Jadual 3.3:	Pembahagian Markah Peperiksaan Amali	51
Jadual 3.4:	Borang Penilaian Kemahiran Muzikal Bahagian A	52
Jadual 3.5:	Borang Penilaian Kemahiran Muzikal Bahagian B	53
Jadual 3.6:	Borang Penilaian Kemahiran Muzikal Bahagian C	53
Jadual 3.7:	Analisis Data Yang Digunakan Dalam Kajian Ini	57
Jadual 3.8:	Tahap Pencapaian Pengetahuan Muzikal Semasa Mengikuti KDPM Pendidikan Muzik	56
Jadual 3.9:	Peringkatan Min Tahap Pencapaian Pengetahuan Muzikal Semasa Mengikuti KDPM Pendidikan Muzik	57
Jadual 3.10:	Tahap Pencapaian Kemahiran Muzikal Semasa Mengikuti KDPM Pendidikan Muzik	58 60
Jadual 3.11:	Peringkatan Min Tahap Pencapaian Kemahiran Muzikal Semasa Mengikuti KDPM Pendidikan Muzik	63
Jadual 3.12:	Tahap Prestasi Latihan Mengajar Dalam Kalangan Pelajar Untuk KDPM Pendidikan Muzik	65
Jadual 3.13:	Kekuatan Kolerasi	66
Jadual 4.1:	Gred Penguasaan Pengetahuan Muzikal Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengkhususan Muzik	67
Jadual 4.2:	Persepsi Responden Dari Segi Penguasaan Pengetahuan Muzikal	69
Jadual 4.3:	Gred Penguasaan Kemahiran Muzikal Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengkhususan Muzik	70

Jadual 4.4:	Persepsi Responden Dari Segi Penguasaan Kemahiran Muzikal	72
Jadual 4.5:	Tahap Prestasi Pencapaian Latihan Mengajar Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengkhususan Muzik	73
Jadual 4.6:	Kesignifikan Hubungan Penguasaan Pengetahuan Muzikal Dengan Latihan Mengajar Dalam Kalangan Guru Pelatih	74
Jadual 4.7:	Kesignifikan Hubungan Penguasaan Kemahiran Muzikal Dengan Latihan Mengajar Dalam Kalangan Guru Pelatih	75

RAJAH-RAJAH

Rajah 2.1:	Model Konseptual Guru	26
------------	-----------------------	----



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sejak mulanya tamadun manusia, pendidik muzik telah bertungkus lumus untuk mewujudkan satu falsafah yang komprehensif berkaitan dengan profesionnya. Namun sehingga ke kini, kejayaan ini masih belum boleh dianggap berjaya dengan sepenuhnya. Sesuatu pendidikan muzik yang baik semestinya akan cuba untuk mencapai satu keseimbangan di antara keperluan seseorang insan dan bidang yang dipelajarinya. Akan tetapi secara realitinya keseimbangan ini masih di luar jangkauan.

Terdapat pendidikan muzik yang dilaksanakan memfokus kepada pengetahuan muzik tanpa menitik berat kepada pengalaman muzikal. Ada program pula yang memberi tumpuan kepada pelajar-pelajar untuk menghasilkan pengalaman muzikal tanpa mewujudkan peluang untuk mereka mengetahui mengapa mereka membuat demikian.

"Precisely, music is not used for explicit communications or for other evident survival purposes but its continuing in human experience constitutes a challenging puzzle. If we can explain music, we may find the key for all of human thought or in implying that failure to take music seriously weakens any account of the human condition."

Gardner (1983, p.123)

Kenyataan di atas telah menunjukkan betapa pentingnya memerlukan sesuatu pemahaman tentang muzik kerana ia merupakan kunci kepada bagaimana seseorang individu berfikir. Pengkajian dan pemahaman secara mendalam dalam muzik diperlukan untuk memahami bagaimana sesebuah komuniti berfungsi.

Muzik merupakan bahagian penyatuan perkembangan intelek, budaya, emosi dan rohani manusia. Seseorang orang mempercayai bahawa muzik merupakan se suatu bahasa, struktur-struktur dan pola-pola muzik, menyampaikan maksud dan perhubungan pemikiran yang tertentu. Ada pula berpendapat muzik sebagai simbol struktur perasaan manusia, berhubung rapat dengan pengalaman emosi (Langer, 1957).

Menurut Teori Kecerdasan Manusia oleh Howard Gardner (1983), mengatakan bahawa manusia mempunyai sekurang-kurangnya tujuh jenis kecerdasan yang dimiliki oleh setiap individu. Kebanyakan sekolah memberi penekanan kecerdasan linguistik dan matematik logik sahaja dan ini akan menyebabkan kecerdasan lain yang tidak dihargai berkemungkinan akan hilang. Teori beliau menegaskan bahawa manusia belajar melalui pelbagai cara unruk mencapai kecemerlangan dan beliau menetapkan bahawa dalam proses pembelajaran, seseorang pelajar mungkin menggunakan beberapa jenis kecerdasan secara bergabung. Beliau juga menerangkan bahawa sekiranya satu jenis pendekatan sahaja digunakan, pelajar yang tertentu sahaja akan memperolehi bahan pembelajaran yang hendak disampaikan.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah sedar bahawa pendidikan muzik tidak boleh diabaikan dalam mana-mana masyarakat. Kita memerlukan satu kurikulum muzik yang komprehensif di mana ia merangkumi pelbagai jenis dan bentuk muzik untuk memenuhi cita rasa perbezaan lapisan masyarakat di negara kita.

Dalam satu sesi konferen muzik yang telah dianjurkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof. Madya Dr. Ramona Mohd. Tahir dan En Ghaziah Mohd. Ghazali telah membentangkan kertas kerjanya yang bertajuk *Music Teacher Training Programs in Malaysia: Snapshots and Reflections of The Current Scenario* (2003, p.1), beliau telah mengutarakan pendapat berikut:

"Music is prevalent to all aspects of human life – at births, weddings, funerals, worship, graduation, etc. People would not physically die if there were no music, but psychologically, spiritually, they would be worse off. The conclusion to this scenario is simple: If music is important to human life, then the teaching and learning of music is also important."

Melalui kenyataan di atas, sememangnya tidak dinafikan kepentingan perlunya pendidikan muzik demi untuk melahirkan seorang insan yang seimbang seperti yang tertera dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPK). Hasrat negara kita melalui pendidikan, dapat memperkembangkan potensi seseorang individu secara menyeluruh dan bersepadu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek secara berterusan agar dapat membentuk rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Perkembangan muzik di sekolah-sekolah pada peringkat awalnya adalah sebagai satu aktiviti kokurikulum. Pada tahun 1979, Jawatankuasa Kabinet Pengkajian Pelaksanaan Dasar Pelajaran telah mengambil keputusan untuk menjadikan pendidikan muzik sebagai satu mata pelajaran yang digalakkan bagi semua pelajar pada peringkat sekolah rendah di Malaysia. Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah ditugaskan untuk merancang satu sukatan pelajaran muzik dan mata pelajaran muzik Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 1983. Sejurus itu, mata pelajaran muzik merupakan salah satu komponen yang wajib dipelajari oleh kanak-kanak Malaysia dari Tahun 1 hingga Tahun 6. Objektif sukatan pelajaran ini menekankan kepada perkembangan kemahiran muzikal murid-murid.

Pada tahun 1995, sukatan pelajaran muzik yang baru telah diterbitkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK). Matlamat kurikulum baru ini bertujuan untuk memperkembangkan potensi dan kualiti diri individu dari segi nilai estetika muzikal dan etika melalui pelbagai pengalaman muzikal ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup dalam konteks pelbagai budaya dan aspirasi negara. Sehubungan dengan perkara ini, Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada ketika itu, yang bertanggungjawab melahirkan guru-guru terlatih telah mulai melatih guru-guru pelatih dalam pengkhususan muzik yang pada mulanya merupakan subjek elektif sahaja. Sehingga kini, BPG telah berjaya melahirkan beribu-ribu guru pelatih yang beropsyen muzik. Ini ternyata bahawa KPM amat mengambil berat tentang pendidikan muzik di negara

kita sehingga telah membelanjakan berjuta-juta ringgit agar dapat menjayakannya.

Mulai tahun 2004, Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM), tidak lagi ditawarkan kecuali mata pelajaran yang kritikal seperti Bahasa Tamil, Bahasa Cina dan mata pelajaran teknikal. Walau bagaimanapun, cita-cita KPM adalah untuk melahirkan guru-guru yang berkualiti. Program-program seperti Kursus Pendidikan Lepas Ijazah (KPLI), telah diperkenalkan dengan hasrat menjelang tahun 2010 semua sekolah menengah akan dijawab oleh guru-guru terlatih berijazah sementara sekolah rendah akan dijawab oleh 50% guru-guru terlatih berijazah. Pendidikan Muzik merupakan salah satu mata pelajaran Pengajian Asas bagi KPLI dan juga sebagai elektif.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem pendidikan di Malaysia sentiasa berkembang selaras dengan peredaran masa dan keperluan zaman. Pada tahun 1996, KDPM telah dilancarkan untuk mempertingkatkan kualiti keguruan di Malaysia. Kurikulumnya juga dikemaskini dan diubahsuai untuk meningkatkan keberkesanannya. Pelaksanaan kurikulum ini bertujuan melahirkan generasi guru permulaan sekolah rendah yang profesional, berketrampilan dan berakhlak mulia sesuai dengan tuntutan masa dan peredaran zaman (BPG, 2001).

1.2.1 Sukatan Pelajaran KDPM Pengkhususan Muzik (Major)

KDPM merupakan satu program latihan perguruan selama 3 tahun atau 6 semester. Program Pengajian Muzik ditawarkan sebagai major dan elektif. Sukatan Pelajaran KDPM Pengkhususan Muzik (Major) bertujuan memberi guru pelatih asas pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pendidikan muzik agar dapat memahami program Pendidikan Muzik KBSR di samping memotivasikan mereka untuk terus ingin meningkatkan dan memajukan diri dalam bidang ilmu pendidikan muzik.

Mengikut Sukatan Pelajaran Pengajian Muzik (2001), kandungan sukatan ini memberi penekanan kepada aspek kemahiran nyanyian dan permainan alat seperti kibod, rekoder, alat perkusi dan sebagainya. Selain daripada itu, program muzik ini juga memberi tumpuan kepada pengetahuan bahasa muzik, sejarah dan apresiasi muzik, serta pedagogi pendidikan muzik untuk melengkapkan guru pelatih sebagai guru pendidikan muzik permulaan.

Pendidikan muzik juga mempunyai peranan tertentu bagi mengekalkan aspek budaya bangsa serta membantu meningkatkan identiti seni budaya negara. Justeru itu, kandungan program ini mengambil kira kepentingan aspek tersebut melalui nyanyian lagu tanah air, permainan alat tradisional seperti gamelan, kompang, caklempong, dan penghayatan muzik tradisional. Selaras dengan perkembangan semasa, teknologi pendidikan muzik diterapkan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran supaya lebih menarik dan berkesan. Opsyen elektif merangkumi aspek-

aspek seperti teori muzik, pedagogi muzik, nyanyian dan permainan alat dengan jumlah interaksi sebanyak 135 jam yang bersamaan dengan 9 kredit.

1.2.2 Objektif KDPM Pengkhususan Muzik

Mengikut Sukatan Pelajaran Pengajian Muzik (2001, p.3), pada akhir kursus selama enam semester (tiga tahun) ini, guru pelatih boleh;

- i. mengaplikasi bahasa muzik dalam pelbagai aktiviti muzik
- ii. memahami dan menganalisis sejarah muzik secara am melalui apresiasi muzik
- iii. mengajar mata pelajaran muzik di sekolah rendah dengan memberi tumpuan kepada aspek pedagogi
- iv. memainkan alat kibod, perkusi dan alat tradisional untuk pengendalian pengajaran dan pembelajaran di sekolah
- v. menyanyi beberapa lagu untuk sekolah rendah, lagu patriotik, lagu semasa, lagu seriosa, lagu rakyat, lagu tradisional tempatan dan lagu dari luar negara
- vi. menyerapkan teknologi pendidikan muzik dalam pengajaran dan pembelajaran muzik, dan
- vii. menghayati nilai-nilai murni dan semangat patriotisme untuk diserapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran

Keseluruhan pengajian ini merangkumi 480 jam iaitu 32 kredit dan 24 jam praktikum pada semester terakhir. Reka bentuk sukatan ini mempunyai matlamat utama iaitu untuk memupuk dan memantapkan kebolehan dan kemahiran bakal guru muzik untuk menghadapi alam perguruan bagi mata pelajaran tersebut dengan lebih yakin di peringkat sekolah rendah dan juga meningkatkan profesionalisme dan mutu insan guru secara menyeluruh selaras dengan hasrat FPK.

1.3 Pernyataan Masalah

Muzik merupakan manifestasi sekelompok manusia dengan budayanya. Kebudayaan merupakan satu koleksi simbol-simbol kompleks, tingkah laku, gaya hidup, ideologi, penggunaan bahasa yang sistematik dan definisi konsep yang membentuk sesuatu masyarakat. Daripada semua ini, masyarakat itu akan menentukan apa yang dikehendaki daripada individu dan komunitinya.

Kebudayaan diekspresi melalui institusi sosial. Menurut Bruner (1996), pendidikan merupakan salah satu institusi sosial yang sangat penting kerana ia memaparkan budaya sesebuah masyarakat serta menyediakan seseorang individu ke arah budaya yang diinginkan oleh masyarakat itu. Menurut Marina Wong Wai-yee (1999), seni naratif yang diperturunkan melalui media seperti seni bahasa, seni visual dan seni muzik merupakan unsur budaya yang penting dan ini diintegrasikan dalam kurikulum pendidikan formal atau tidak formal sesuatu masyarakat itu. Seni naratif ini memberi peluang kepada manusia untuk meluahkan perasaan serta ekspresinya dalam mewakili kepercayaan budayanya

yang membentuk sistem nilai kebudayaannya dalam masyarakat yang berkenaan. Ternyata di sini sekolah mahu pun institusi pengajian tinggi merupakan satu gedung yang besar di mana sekumpulan masyarakat dapat berinteraksi, mengekspresi serta saling mempelajari antara satu sama lain untuk mewujudkan satu suasana yang boleh memanfaatkan diri, masyarakat dan negara.

Menurut Reimer (2003), menyatakan bahawa, "*education in every culture exists not in a vacuum but in a ferment of influences affecting what it can be or do.*" Beliau juga menekankan bahawa apa jua amalan secara teori atau praktikal ia mencerminkan apa yang diharapkan oleh kumpulan-kumpulan yang berkaitan dengannya.

Muzik merupakan suatu seni naratif di mana manusia dalam dunia ini mencipta muzik untuk tujuan yang berlainan, manakala pendidikan muzik merupakan suatu media untuk meluahkan sesuatu kepercayaan dan nilai sesuatu masyarakat. Melalui pendidikan muzik, manusia berpeluang untuk menyampaikan budaya masyarakat dalam bentuk praktikal. Pembentukan budaya masyarakat serta pencapaian hasil sesuatu kurikulum merupakan satu isu yang amat penting terutamanya ekspektasi daripada golongan *stackholders* yang berkaitan seperti ibu bapa, pelajar-pelajar, pengurusan tinggi, pembentuk-pembentuk dasar, kumpulan profesional dan sebagainya.

Dalam lapangan pendidikan, pegangan dan kepercayaan seseorang pendidik membentuk asas kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan dengan kurikulum dalam bilik darjah. Menurut Eisner (1992) dalam

kajian Marina Wong Wai-yee (1999), sistem kepercayaan sesuatu masyarakat menentukan nilai sesuatu keputusan mengenai praktis dalam alam pendidikan. Oleh kerana pendidikan merupakan satu institusi sosial yang penting dalam sesebuah masyarakat, nilai dan kepercayaan masyarakat dan individu yang akan menentu kepentingan sesuatu mata pelajaran untuk masyarakat, contohnya pendidikan muzik.

Menurut kajian yang pernah dilakukan oleh Kacanek (1982) dan Henley (1987), didapati bahawa pendidik-pendidik muzik merasa sukar untuk menggunakan satu teori atau falsafah yang spesifik semasa melaksanakan kurikulum pendidikan muzik. Ini mungkin disebabkan oleh latar belakang murid-murid yang berbeza dan tahap penguasaan mereka yang berbeza. Dalam keadaan ini, pemahaman seseorang pendidik muzik mestilah luas dalam pelbagai strategi pedagogi serta berpengalaman yang cukup luas dalam menangani masalah-masalah yang mungkin dihadapi. Ini merupakan satu cabaran yang terunggul kepada guru-guru pelatih yang baru menjejak langkah ke alam sekolah.

Abeles et. al.(1994), telah menjalankan satu kajian yang intensif terhadap pendidik-pendidik muzik di Indiana dan telah mendapati bahawa peratusan besar pendidik muzik setuju bahawa muzik diintegrasikan dalam kurikulum. Namun sebahagian besar juga mempunyai perasaan negatif terhadap profesion sebagai pendidik muzik kerana subjek muzik selalu dianggap sebagai satu sampingan kepada kurikulum. Oleh yang demikian, masa depan adalah tidak begitu cerah

untuk pendidik-pendidik muzik terutamanya dari segi penambahan gaji atau kenaikan pangkat.

Keperluan pendidikan muzik dalam perkembangan artistik, emosi, intelek, sosial dan penghasilan kreatif telah lama diintegrasikan dalam kurikulum pendidikan sekolah rendah mahu pun sekolah menengah di seluruh dunia. Pakar-pakar seperti Friedrich Froebel, Johann Heinrich dan Maria Montessori telah mencipta pelbagai pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran muzik untuk kanak-kanak. Menurut Gawlick (2003), setiap masyarakat mempunyai cara yang formal dan informal dalam menurunkan ilmu muzikalnya kepada pewaris-pewarisnya.

Satu kajian lagi yang amat menarik oleh Chen (2000), menyatakan bahawa penyampaian pengajaran dan pembelajaran seseorang pendidik muzik dipengaruhi besar oleh pengalaman dan latar belakangnya. Setiap pendidik muzik akan mempunyai cara-cara atau mazhab-mazhab yang berlainan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Secara lazimnya, pendidik muzik terikat dengan nilai-nilai tradisional yang ingin dipertahankan dan diwaris kepada generasi-generasi muda. Ini telah mengakibatkan penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran pemusatan guru atau *teacher-centered*. Justeru itu, penggunaan teknik seperti persembahan verbal, membaca dan menulis diberi penekanan. Teknik-teknik sebegini adalah mirip latih tubi di mana produk akhir adalah lebih penting daripada proses pembelajarannya. Menurut McKeachie (1995), pendidik muzik jarang menggunakan strategi yang berlainan dalam penyampaian yang